




LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)

Tingkat 13, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN




Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

Tel. : 03-5511 1800
Faks : 03-5510 1800
Portal Rasmi : www.luas.gov.my
E-mel : admin@luas.gov.my



selangorku

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"



Ruj. Tuan : LUAS SEL. 1005/7Jld 3 (34)
Ruj. Kami : 23 April 2015
Tarikh :

SENARAI EDARAN ADALAH SEPerti DI LAMPIRAN

Tuan / Puan,

PERTANDINGAN FOTOGRAFI, SELFIE DAN VIDEO PENDEK SEMPENA SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2015 PERINGKAT NEGERI SELANGOR DAN SAMBUTAN 15 TAHUN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga sedang menganjurkan Pertandingan Fotografi, 'Selfie' dan Video Pendek sempena Sambutan Hari Air Sedunia 2015 Peringkat Negeri Selangor dan Sambutan 15 Tahun LUAS yang telah telah dilancarkan pada 23 Mac 2015 yang lepas.

3. Sehubungan dengan itu, Lembaga ingin memohon jasa baik pihak tuan/puan untuk membuat hebahan pertandingan-pertandingan tersebut kepada kakitangan tuan/puan serta di portal atau laman sesawang pihak tuan/puan. Bersama-sama ini disertakan borang penyertaan dan syarat-syarat pertandingan - pertandingan tersebut untuk makluman dan rujukan pihak tuan/puan. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi urusetia setiap pertandingan seperti yang dinyatakan di dalam lampiran tersebut. Jasa baik dan kerjasama daripada pihak tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"SUMBER AIR TERPELIHARA, ALAM SEKITAR SEJANTERA"

Saya yang menurut perintah,

(HJ. MD KHAIRI BIN SELAMAT) s.s.
Pengarah,
Lembaga Urus Air Selangor.
NY

JAWATAN	T	CATATAN
KPPD (KP)	✓	
KPPD (P)		

PEGAWAI DAERAH HULU SELANGOR

PPTM
Edaran setiap Unit dan Pejabat.
Juga di Portal.
4/15



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(LUAS)

**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN FOTOGRAFI
SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA**

MAKLUMAT PESERTA	
NAMA & NO. KAD PENGENALAN	
ALAMAT	
NO. TELEFON	
MAKLUMAT FOTOGRAFI	
TAJUK GAMBAR, PENERANGAN RINGKAS DAN LOKASI GAMBAR DIAMBIL	
AKUAN PENGESAHAN	
Dengan ini saya mengaku bahawa segala maklumat di atas adalah benar dan bersetuju dengan syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan oleh penganjur. Saya juga mengesahkan bahawa fotografi yang dihantar adalah hasil kerja saya sendiri dan mengizinkan gambar tersebut menjadi hakmilik penganjur.	
Tandatangan	
Tarikh	

Hantarkan gambar yang telah dicetak dan dalam format jpeg yang disimpan dalam cd/dvd ke alamat sebelum 24 Jun 2015:-

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR,
Tingkat 13, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40000, Shah Alam, Selangor**

PERTANDINGAN *SELFIE* SEMPENA SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA
TEMA
"KEINDAHAN SUNGAI KITA"

1.0 PENYERTAAN

- 1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali kakitangan Lembaga Urus Air Selangor.
- 1.2 Penyertaan boleh dikemukakan secara individu atau berkumpulan.

2.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 2.1 Setiap penyertaan mesti menepati tema yang telah ditetapkan iaitu ***"Keindahan Sungai Kita"*** dan hendaklah berlatar belakangkan sumber air seperti sungai, air terjun dan lain-lain.

3.0 SYARAT PERTANDINGAN

- 3.1 Setiap penyertaan perlu dimuat naik ke akaun **instagram Lembaga Urus Air Selangor**;
- 3.2 Peserta perlu menghantar **dua (2) keping gambar** iaitu gambar **Keindahan dan Pencemaran Sungai** dengan meletak hash tag Lembaga Urus Air Selangor (**#lembagaurusairselangor**) di ruangan kapsyen;
- 3.3 Gambar yang dihantar perlu disertakan dengan **keterangan ringkas, lokasi, dan tarikh gambar diambil**; dan
- 3.4 Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan dan keputusan pertandingan adalah muktamad.

4.0 TARIKH TUTUP PERTANDINGAN

- 4.1 Tarikh tutup penyertaan adalah pada **24 Jun 2015**.

5.0 KRITERIA PENGHAKIMAN

- 5.1 Pemenang pertandingan selfie akan dipilih mengikut jumlah **"LIKE"** terbanyak bagi gambar yang dimuatnaik;
- 5.2 Semua keputusan adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat menyurat tidak akan dilayan; dan

5.3 Hasil karya menjadi hak mutlak penganjur dan penganjur berhak mengguna, mencetak, menerbit, dan mengubahsuai gambar tersebut.

6.0 HADIAH

6.1 Pemenang-pemenang akan menerima pengiktirafan seperti berikut:-

- | | | | |
|-----|-----------------------|---|------------------------------------|
| (a) | Hadiah Tempat Pertama | = | Wang Tunai RM 300.00 beserta Sijil |
| (b) | Hadiah Tempat Kedua | = | Wang Tunai RM 200.00 beserta Sijil |
| (c) | Hadiah Tempat Ketiga | = | Wang Tunai RM 100.00 beserta Sijil |

7.0 AHLI JAWATANKUASA PERTANDINGAN

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh didapati di Portal LUAS, atau boleh menghubungi urusetia pertandingan:

Puan Rosnazlina binti Rosali	03-5511 1800
Encik Mohd Tahir bin Ab Talib	03-5511 1800
Encik Awaluddin bin Kasmari	03-5511 1800

PERTANDINGAN *FOTOGRAFI* SEMPENA SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA

TEMA

"KEINDAHAN SUNGAI KITA"

1.0 PENYERTAAN

- 1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali kakitangan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).
- 1.2 Penyertaan boleh dikemukakan secara individu atau berkumpulan.

2.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 2.1 Setiap penyertaan mesti menepati tema yang telah ditetapkan iaitu *"Keindahan Sungai Kita"* dan hendaklah berlatar belakangkan sumber air seperti sungai, air terjun dan lain-lain.

3.0 SYARAT PERTANDINGAN

- 3.1 Gambar yang dipertandingkan mestilah asli dari daya usaha dan kreativiti peserta;
- 3.2 Gambar hendaklah diambil di sekitar negeri Selangor sahaja;
- 3.3 Menggunakan kamera digital sekurang-kurangnya 8 mega pixel;
- 3.4 Tiada pengubahsuaian dibenarkan kecuali:
 - (a) Pengubahsuaian pada Brightness / Contrast Cropping adalah dibenarkan.
 - (b) Imej manipulasi tidak dibenarkan sama sekali.
 - (c) Gambar tidak boleh diubah dari imej asal;
- 3.5 Setiap hasil karya mestilah tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan;
- 3.6 Peserta perlu menghantar **dua (2) keping gambar** iaitu gambar **Keindahan dan Pencemaran Sungai**;
- 3.7 Gambar yang dihantar perlu disertakan dengan **keterangan ringkas, lokasi, model kamera dan tarikh gambar diambil**;
- 3.8 Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan keatas barang-barang, hasil seni, model, individu atau objek yang terlibat dalam imej untuk pertandingan ini.

4.0 CARA PENYERTAAN

- 4.1 Gambar yang dihantar hendaklah berukuran 8R (8 x 10 inci) atau (8 x 12 inci) dan dilekatkan diatas mounting board berwarna hitam bersaiz 12 x 14 inci.
- 4.2 Gambar hendaklah disertakan bersama:
 - (a) Borang pendaftaran, CD/DVD yang mengandungi imej digital (soft copy)
 - (b) Peserta dibenarkan menghantar seberapa banyak gambar pertandingan.

5.0 TARIKH TUTUP PERTANDINGAN

- 5.1 Borang penyertaan boleh didapati secara online melalui laman web LUAS dan hendaklah dihantar **sebelum atau selewat-lewatnya pada 24 Jun 2015** ke alamat:

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
Tingkat 12-13, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5511 1800
Email : admin@luas.gov.my
Website : www.luas.gov.my

- 5.2 Sila labelkan “PERTANDINGAN FOTOGRAFI HARI AIR SEDUNIA” di penjuru kiri atas sampul.

6.0 KRITERIA PENGHAKIMAN

- 6.1 Gambar-gambar pertandingan yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut:
 - (a) Idea = 40 markah
 - (b) Kreativiti = 40 markah
 - (c) Tema = 20 markah
- 6.2 Semua keputusan adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat menyurat tidak akan dilayan; dan
- 6.3 Hasil karya menjadi hak mutlak penganjur dan penganjur berhak mengguna, mencetak, menerbit, dan mengubahsuai gambar tersebut.

7.0 HADIAH

7.1 Pemenang-pemenang akan menerima pengiktirafan seperti berikut:

- | | | | |
|-----|---------------------------|---|----------------------------------|
| (a) | Hadiah Tempat Pertama | = | Wang Tunai RM 1,500.00 dan Sijil |
| (b) | Hadiah Tempat Kedua | = | Wang Tunai RM 1,000.00 dan Sijil |
| (c) | Hadiah Tempat Ketiga | = | Wang Tunai RM 500.00 dan Sijil |
| (d) | Hadiah Khas Menteri Besar | = | Wang Tunai RM 500.00 dan Sijil |

8.0 KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh didapati di Portal LUAS, atau boleh menghubungi urusetia pertandingan:

Puan Rosnazlina binti Rosali	03-5511 1800
Encik Mohd Tahir bin Ab Talib	03-5511 1800
Encik Awaluddin bin Kasmari	03-5511 1800



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(LUAS)

BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN VIDEO PENDEK
SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA

MAKLUMAT PESERTA	
NAMA & NO. KAD PENGENALAN	1.
	2.
	3.
	4.
	5.
ALAMAT	
NO. TELEFON	
MAKLUMAT VIDEO	
TAJUK	
PENERANGAN (Tidak melebihi 30 patah perkataan)	
AKUAN PENGESAHAN	
Dengan ini saya mengaku bahawa segala maklumat di atas adalah benar dan bersetuju dengan syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan oleh penganjur. Saya juga mengesahkan bahawa video yang dihantar adalah hasil kerja saya/kami sendiri dan mengizinkan penerbitan video pendek ini menjadi hakmilik penganjur.	
Tandatangan:	Tarikh:

PERTANDINGAN VIDEO PENDEK SEMPENA SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA

TEMA

“AIR DAN PEMBANGUNAN MAMPAN”

1.0 PENYERTAAN

- 1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas kecuali kakitangan Lembaga Urus Air Selangor.
- 1.2 Penyertaan boleh dikemukakan secara individu atau kumpulan.

2.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 2.1 Setiap penyertaan mesti menepati tema yang diberikan iaitu “Air dan Pembangunan Mampan” dan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya satu ciri tema seperti di laman web www.unwater.org/worldwaterday.

3.0 SYARAT PERTANDINGAN

- 3.1 Setiap video pendek adalah merupakan hasil karya sendiri.
- 3.2 Video yang dihasilkan mesti tidak melebihi durasi yang ditetapkan iaitu 1-3 minit dan tidak melebihi 5 minit jika terdapat kredit.
- 3.3 Setiap hasil karya juga mestilah tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan.
- 3.4 Format video yang ditetapkan adalah MOV, 25 fps dan resolusi minima 1280x720 px.
- 3.5 Audio yang ditetapkan adalah 'Best Quality'.
- 3.6 Penerbitan yang mempunyai unsur seks, jenayah, memfitnah, menghina institusi perlembagaan Negara akan ditolak penyertaannya.
- 3.7 Semua penggambaran mestilah rakaman asli (original) dan tidak melanggar hak IP (Intellectual Property) orang lain melainkan mendapat izin tuan empunya. Keizinan ini mestilah dinyatakan atau dipaparkan dalam video anda.
- 3.8 Setiap penyertaan hendaklah dihantar dalam format DVD serta berdefinisi tinggi dan disertakan dengan:
 - a) Borang penyertaan.)
 - b) Salinan setiap video yang dihasilkan

4.0 TARIKH TUTUP PENYERTAAN

4.1 Tarikh tutup penyertaan adalah pada **7 Ogos 2015**.

5.0 KRITERIA PENGHAKIMAN

5.1 Keseluruhan video pendek yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan berikut:

a) Idea	=	40 markah
b) Kreativiti	=	50 markah
c) Menepati tema	=	10 markah
Keseluruhan	=	100 markah

5.2 Semua keputusan adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat menyurat tidak akan dilayan.

5.3 Semua video penyertaan yang diterima oleh pihak urus setia menjadi hakmilik urus setia dan urus setia boleh menggunakan video-video penyertaan tersebut untuk apa-apa tujuan.

6.0 SENARAI HADIAH PEMENANG

6.1 Pemenang-pemenang akan menerima pengiktirafan seperti berikut:

a) Hadiah tempat Pertama	=	Wang Tunai RM 1,500.00
b) Hadiah tempat Kedua	=	Wang Tunai RM 1,000.00
c) Hadiah tempat Ketiga	=	Wang Tunai RM 500.00

7.0 AHLI JAWATANKUASA PERTANDINGAN

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pn. Norfazilah Binti Shahrudin 03-5511 1800